

SOALAN STRUKTUR

Arahan: Jawab semua soalan.

PENYALAHGUNAAN BAHAN

A Tentukan pernyataan berikut mengenai risiko penyalahgunaan bahan berdasarkan pilihan jawapan yang diberi.

Cadangan jawapan	Fizikal Sosial	Janin Otak	Saraf Mental dan Emosi	Hati
------------------	-------------------	---------------	---------------------------	------

CONTOH:
JANIN

- Keadaan muka yang rata dan kelemahan pada sendi-sendi dan otot.
- Sukar menerima pelajaran, membentuk idea spontan, menumpukan fikiran dan membuat pertimbangan dengan teliti.
- Hilang kawalan diri dan pemikiran. Tidak berasa segan-silu untuk melakukan perkara di luar batasan di khalayak ramai.
- Hati akan mengalami kerosakan yang serius seperti sirosis hati yang boleh membawa maut.
- Menyebabkan kecenderungan mendapat pelbagai jenis penyakit seperti sindrom Wernicke Korsakoff dan seterusnya membawa kepada komplikasi psikiatri.
- Perut berasa sakit, kadangkala muntah dan cirit-birit sehingga menyebabkan berat badan terjejas.
- Bersikap pemaarah sehingga berlaku perpecahan, penderaan dan keganasan dalam keluarga.

B Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- _____ merupakan aspek penting untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan aktiviti penyalahgunaan bahan.
- Pembentukan _____ amat penting agar sentiasa dapat membuat keputusan dengan pemikiran rasional.
- _____ penyalahgunaan bahan di sekolah merupakan langkah awal bagi membendung masalah penyalahgunaan bahan dalam kalangan murid.
- Hubungan kekeluargaan dan _____ memainkan peranan penting dalam memastikan ahli keluarga tidak terjebak dalam masalah penyalahgunaan bahan.
- Pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan boleh memainkan peranan dalam usaha mengurangkan masalah penyalahgunaan bahan melalui program, _____, motivasi serta hebahan media cetak dan sosial.

Cadangan jawapan	interpersonal Pendidikan minda positif	Kesedaran diri kempen kesedaran
------------------	--	------------------------------------